

*Tarikh Dibaca: 06 November 2015*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“PEWAKAF; JUTAWAN AKHIRAT”**

\*\*\*

*Terbitan:*  
*Unit Khutbah*  
*Bahagian Pengurusan Masjid*  
**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
*Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor*
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
*Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor*
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
*Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor*
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
*Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS*
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
*Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah*
- II. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
*Majlis Agama Islam Selangor*
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
*Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS*



## "PEWAKAF; JUTAWAN AKHIRAT"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَاتِلُ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا هَلْ أَدُلُّ كُمْ عَلَىٰ

تَجْرِي تُنْجِي كُمْ مِنْ عَذَابِ الْيَمِينِ  
(الصف : 10)

أَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُم مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Khatib berpesan pada diri sendiri dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, dan semoga dijauhkan kematian dalam kekufturan,



mudah-mudahan ia akan menjadi amal soleh sebagai bekalan menemui Allah SWT pada hari akhirat kelak.

Tajuk khutbah kita hari ini ialah "**PEWAKAF; JUTAWAN AKHIRAT**".

Kita umat islam perlu sedar bahawa harta yang kita miliki bukanlah hak mutlak kita, tetapi ia merupakan pinjaman yang bersifat sementara dari Allah SWT. Allah Maha berkuasa untuk memberi dan mengambil semula melalui pelbagai cara tanpa diduga. Oleh itu, berwaspadalah kita dalam membelanjakan harta dan menjaga amanah Allah. Setiap sumber harta akan dipersoalkan, dari manakah ia diperolehi dan kemanakah kita membelanjakannya.

Hadis daripada Abi Barzah al-Aslami RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Kedua-dua kaki tidak akan berganjak sedikit pun pada hari kiamat sehingga ditanya tentang 4 perkara iaitu; 1- tentang umur, bagaimana ia dihabiskan, 2- tentang masa muda ke mana dia pergunakan, 3- tentang hartanya, dari mana diperolehi dan bagaimana dibelanjakan dan 4- tentang ilmunya, apakah yang dibuat dengannya".*

*(Riwayat at-Tirmizi).*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Sebagai tanda mensyukuri nikmat kurniaan Allah SWT yang menganugerahkan kurniaan harta dan nikmat kepada kita, marilah kita mencontohi perbuatan Baginda Nabi Muhammad SAW dan para sahabat yang digelar jutawan akhirat, kita perlulah memperbanyakkan penyerahan harta yang disayangi ke jalan Allah khususnya dengan cara ibadah sedekah (Wakaf).



Perbuatan Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik yang telah menjadi batu asas kepada amalan berwakaf, di mana wakaf yang pertama dalam Islam ialah pembinaan Masjid Quba' seterusnya diikuti dengan pembinaan Masjid An-Nabawi. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah membeli tanah tersebut daripada dua saudara yatim piatu iaitu Sahl dan Suhail dengan harga 10 dirham, kemudian Baginda mewakafkan tanah tersebut bagi pembinaan Masjid.

Para sahabat juga turut mencontohi perilaku Nabi dalam berwakaf, Sayyidina Abu Bakar antaranya telah mewakafkan Dinar emas untuk pembinaan Masjid Nabawi (Madinah) pada tahun 622M. Manakala Sayyidina Uthman yang sering berlumba-lumba bersama Sayyidina Abu Bakar untuk menyerahkan harta di jalan Allah, juga turut mewakafkan perigi "Ruumah" yang dibeli dari seorang yahudi. Perigi ini dapat membantu umat islam yang sukar mendapatkan bekalan air bersih. Kekayaan Sayyidina Uthman semakin berkembang dengan tumbuh suburnya pohon-pohon kurma disekitar telaga tersebut.

Kehebatan Wakaf diteruskan selepas kewafatan baginda Nabi Muhammad SAW semasa pemerintahan Sayyidina Umar Al-Khattab, beliau telah melawat sebuah kem tentera Arab di Jalwan, lalu membuat keputusan agar mewakafkan tanah yang telah berjaya dimenangi oleh orang Islam dan hasilnya digunakan untuk manfaat umum. Kerajaan Turki Uthmaniah juga turut melakukan perkara yang sama. Tanah yang telah dimiliki itu akan disewakan kepada orang Islam bagi tujuan pertanian, penternakan, pembinaan Hotel atau rumah yang hasil manfaatnya digunakan untuk kebajikan ekonomi ummah. Abu Thalhah, seorang Anshar (penduduk asal Madinah), adalah seorang yang paling banyak mawakafkan hartanya yang



paling disayangi, iaitu Bairuha. Bairuha adalah kebun kurma yang terletak berdekatan Masjid An-Nabawi. Khalid bin Al-Walid juga turut mewakafkan baju-baju perang serta peralatan perang di jalan Allah.

Wakaf yang diwujudkan daripada tanah jajahan merupakan contoh wakaf yang ditubuhkan oleh sesebuah kerajaan. Wakaf juga banyak dilakukan oleh individu-individu. Institusi Wakaf digunakan untuk membiayai projek-projek kebaikan yang menguntungkan semua rakyat di dalam kerajaan Islam. Antara institusi-institusi awam dan kemasyarakatan yang dibiayai oleh sistem wakaf adalah sektor pendidikan, Masjid, kesihatan dan ketenteraan. Contohnya, Madrasah al-Nooriyah di Damascus, Universiti al-Azhar di Mesir dan beberapa Universiti di Turki serta beberapa buah bank yang dimiliki oleh institusi wakaf.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ  
حَبَّةٌ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ  
يُضَعِّفُ لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ  
٢٦١

*"Perumpamaan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui".*



Begitulah janji Allah yang sememangnya pasti menemui bakal-bakal jutawan akhirat yang ikhlas dalam melakukan sedekah khususnya Wakaf di jalan Allah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Di Negara kita, amalan berwakaf telah lama diamalkan oleh generasi kita yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewakafkan harta melalui pembinaan masjid, membina sekolah dan pondok-pondok pengajian, rumah-rumah anak yatim dan lain-lain. Pada zaman moden ini, ramai jutawan telah menginfaqkan harta mereka ke jalan Allah. Di Negara kita umpamanya, beberapa orang hartawan telah berwakaf di Perbadanan Wakaf Selangor (MAIS) dengan wang tunai sebanyak RM53 Juta bagi tujuan wakaf khas pembinaan Ma'ahad Tahfiz dan beberapa buah Masjid. Hal ini akan menjadikan hartawan lain turut sama mengikuti jejak langkah bakal-bakal Jutawan akhirat ini.

Atas semangat dan contoh tauladan inilah, Perbadanan Wakaf Selangor (MAIS) terus giat menjalankan aktiviti promosi kepada masyarakat umum agar turut serta berwakaf. Antara kaedah yang diperkenalkan adalah berwakaf melalui wang tunai (Saham Wakaf Selangor) serendah RM10 bagi satu unit, Skim Infaq (Potongan Gaji) serendah RM5 setiap bulan, Wakaf Emas, dan Wakaf secara dalam talian (Online). Kesemua kaedah wakaf tunai ini difatwakan, harus ditukarkan menjadi aset kekal. Sehingga kini keseluruhan nilai harta wakaf di Negeri Selangor tidak kurang daripada RM72 juta.

Berdasarkan sumber Perbadanan Wakaf Selangor juga, beberapa sumbangan telah dikembalikan kepada masyarakat umum pada tahun 2014



dan 2015 melalui pelbagai bentuk sumbangan, bantuan dan agihan dalam menunjukkan dan meninggikan syiar Islam di Negara ini.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Antara pengajaran dan taujihat daripada khutbah hari ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa apa-apa harta yang dibelanjakan dijalani Allah di dunia ini pasti akan diberikan ganjaran yang berganda di hari akhirat hingga melayakkan untuk bergelar jutawan akhirat.
2. Umat Islam hendaklah berwakaf kerana ia dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu dan tolong-menolong antara satu dengan yang lain.
3. Umat Islam hendaklah mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan berwakaf untuk mendapatkan keredhaan Allah.
4. Umat Islam dituntut mewakafkan sebahagian harta yang diperolehnya untuk menegakkan ekonomi dan syiar umat Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
وَأَنفِقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمْ  
الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَتَنِي إِلَى أَجَلٍ قَرِيبٍ  
فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ



"Nafkahkanlah (dengan mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhan! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal mautku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi di kalangan orang-orang yang soleh".

(Surah al-Munafiqun : 10).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانٌ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.